

**KERATAN AKHBAR BULAN JULAI 2021**  
**BERITA HARIAN**

**KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN JULAI 2021**

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	07.07.2021	Dua Beradik Mengaku Salah Guna Dokumen Palsu Dapatkan Tender	2
2.	08.07.2021	3 Pengarah Syarikat Direman Kes Tuntutan Palsu	3
3.	10.07.2021	Pegawai Veterinar Kena 3 Pertuduhan Rasuah RM58,617	4
4.	11.07.2021	Penebangan Pokok Musang King Selesai Minggu Depan	5
5.	12.07.2021	Pengerusi Koperasi Kena Dakwa	6
6.	15.07.2021	Polis Siasat Tambahan ‘Luar Biasa’ Slot Janji Temu	7
7.	15.07.2021	2 Lot Tanah Kerajaan Pulau Pinang Dipindah Kepada Kontraktor	8
8.	16.07.2021	Penubuhan RCI Langkah Pulih Persepsi Rakyat Terhadap TH	9
9.	16.07.2021	Bekas Pengurus Besar Air Kelantan Dibebas Dengan Jaminan	10
10.	19.07.2021	Kelantan, EXCO Sedia Bantu SPRM Siasatan Kes Rasuah AKSB	11
11.	24.07.2021	Kerajaan Negeri Perlu Tegas Usir Penceroboh Hutan Simpanan	12
12.	24.07.2021	2 Bekas YDP Kena Reman Enam Hari	13
13.	25.07.2021	Pegawai Daerah, Juruukur Bahan Direman 5 Hari	14
14.	26.07.2021	Kakitangan LPNM Dituduh Palsukan Dokumen Bekalan Benih Nanas	15

Berita Harian | 7 July 2021 | Page 16

# Dua beradik mengaku salah guna dokumen palsu dapatkan tender

**Kota Kinabalu:** Dua beradik masing-masing didenda RM18,000 dan RM24,000 selepas mengaku bersalah menggunakan dokumen palsu untuk mendapatkan tender, di Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu, semalam.

Kedua-dua tertuduh, Sharifah Norhafizah Syed Abdul Hamid, 33, dan Syed Hairul Nizam, 42, didakwa atas tiga pertuduhan membabitkan tender perkhidmatan membekal makanan ke asrama sekolah di Tawau.

Dua beradik terbabit membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Abu Bakar Manat.

Mengikut kertas pertuduhan, kedua-dua tertuduh melakukan kesalahan itu pada 24 November 2016.

Mereka didakwa menggunakan penyata akaun bank bertarikh 31 Julai, 31 Ogos dan 30 September 2016 sebagai dokumen palsu bagi mendapatkan tender perkhidmatan membe-

kal makanan bagi tempoh kontrak 1 April 2017 hingga 31 Mac 2019.

Kedua-dua mereka melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 Kanun.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman penjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekalii.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM6,000 atau tiga bulan penjara, jika gagal bayar bagi setiap satu pertuduhan kepada Sharifah Norhafizah.

Syed Hairul Nizam turut dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM8,000 atau empat bulan penjara, jika gagal bayar bagi setiap satu pertuduhan.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa, Nartiah F Mirchelle Sambatan manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam dari Tetuan Azhier Arisin & Jaafar.

Berita Harian | 8 July 2021 | Page 16

## 3 pengarah syarikat direman kes tuntutan palsu

**Georgetown:** Tiga pengarah syarikat pembekalan implan perubatan, direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung dakwaan mengemukakan tuntutan palsu pembekalan implan ortopedik membatikan nilai kira-kira RM65,000.

Perintah reman bermula semalam hingga 10 Julai ini, dikehluarkan Penolong Kanan Pendatar Mahkamah Rendah George Town Balqis Roslin, selepas

membenarkan permohonan daripada Pegawai Permohonan Reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Azlan Basri di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Semua suspek berumur 29 hingga 37 tahun itu ditahan semalam ketika hadir di ibu pejabat SPMR negeri untuk memberi keterangan berhubung siasatan terhadap dakwaan mengemukakan tuntutan palsu pembekalan

implan ortopedik kepada agensi bantuan, antaranya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pusat Zakat.

Mereka disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Ketiga-tiga suspek ditahan di

lokap SPRM Pulau Pinang untuk siasatan lanjut.

Ketiga-tiga mereka masing-masing diwakili peguam E Grasegaran, Audrey Wee Li Ye dan R Arvend.

Terdahulu, semua suspek tiba di Kompleks Mahkamah George Town kira-kira jam 10 pagi dengan berpakaian lokap SPRM dan bergari serta diiringi beberapa pegawai SPRM.

BERNAMA

# Pegawai veterinar kena 3 pertuduhan rasuah RM58,617

**Shah Alam:** Seorang pegawai veterinar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas tiga pertuduhan menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan berjumlah RM58,617 pada 2019 dan 2020.

Norhamizah Abdul Hamid, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan itu dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rasyihah Ghazali.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan berjumlah RM19,720 untuk syarikat milik suami, dengan membuat syor memilih syarikat itu melaksanakan kerja membekal peralatan Klinik Bergerak Veterinar.

Menurut pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan RM19,937 untuk syarikat suami, dengan membuat syor memilih syarikat itu melaksanakan kerja membekal peralatan makmal.

Mengikut pertuduhan ketiga pula, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan RM18,960 untuk syarikat suami, dengan membuat syor memilih syarikat itu melaksanakan kerja membekal makanan, makanan tambahan (vitamin) serta syampu kucing dan anjing.

Norhamizah didakwa melakukan kesalahan berkenaan antara 30 Ogos 2019 hingga 16 Jun 2020 di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor.

Berita Harian Ahad | 11 July 2021 | Page 16

# Penebangan pokok Musang King selesai minggu depan

**SPRM dalam proses lengkapkan siasatan isu ceroboh tanah**

Oleh Faris Fuad  
dan Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Raub:** Lebih 85 hektar kawasan ladang durian Musang King yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Batu Talam, di sini, ditebang dalam tempoh seminggu Operasi Pamah dijalankan.

Keseluruhan kawasan ceroboh berkenaan seluas lebih 101 hektar dan kini hanya sebahagian kecil belum dimusnahkan.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa), Jabatan Perhutanan negeri, Nor Azirim Ahmad, hampir 100 kakitangan jabatan itu menyertai Operasi Pamah dan dibantu anggota Unit Pengu-

at Kuasa Negeri Pahang (UPNP) yang menjalankan kerja menebang secara berterusan menggunakn mesin gergaji berantai.

Katanya, aktiviti menebang sebenarnya dilakukan hanya dalam masa lima hari, tetapi tindakan provokasi selain jambatan dirosakkan menyebabkan kerja menebang tergendala.

"Aktiviti menebang mula berjalan lancar pada Selasa lalu, terutama selepas kehadiran anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang bertanggungjawab mengawal kawasan Hutan Simpan Batu Talam, termasuk mengadakan dua sekatan jalan raya (SJR) di laluan masuk ke hutan simpan berkenaan.

"Faktor hujan pada sebelah petang selain angin kencang turut menjelaskan kelancaran kerja menebang yang jadual asal mengambil masa sebulan untuk disiapkan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, aktiviti menebang pokok durian Musang King dijangka siap sepenuhnya ming-

gu depan terutama apabila semua jadual bertugas berjalan lancar.

Nor Azirim berkata, selepas aktiviti menebang selesai sepenuhnya, kerja menanam pokok hutan akan dilakukan segera.

Katanya, beberapa spesies pokok hutan sudah dikenal pasti untuk penanaman semula, antaranya meranti temak nipis.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Azam Bakri, berkata pihaknya sedang melengkapkan siasatan berhubung isu pencerobohan tanah kerajaan negeri Pahang yang dijadikan ladang durian secara haram di Raub.

Katanya, setakat ini siasatan pada tahap 80 peratus dan pihaknya sudah memanggil peneroka serta pihak berkuasa berkaitan untuk dirakam keterangan.

"Kita harus faham, isu ini ada dua. Pertama, berbangkit ketidakpuasan hati masyarakat dalam kes berkenaan dan SPRM tidak boleh campur tangan kerana ia membabitkan siasatan pihak

berkuasa lain.

"Kedua, isu rasuah. Di sini kita sudah buka fail siasatan untuk tindakan lanjut. Beri kami masa dan kerana kes yang berlaku ini bukanlah kes baharu, ia kes yang sudah lama berlaku," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Zainal Abidin Kasim, berkata seramai 213 pegawai dan anggota PGA dikerahkan ke Raub bagi menjaga ketenteraman awam di daerah itu berikut kekecohkan membabitkan pekebun durian dan anggota penguatan kuasa.

Katanya, Pasukan Gerakan Udara (PGU) Subang turut digerakkan membuat kawalan dan pemantauan udara di kawasan itu bagi mengelak kejadian tidak diingini.

"Keadaan dan situasi semasa di kawasan itu dilihat terkawal dan berada pada tahap baik. Kita akan terus membuat ronduan serta kawalan statik di luar dan dalam kawasan itu," katanya.

## Pengerusi koperasi kena dakwa

**Butterworth:** Pengerusi sebuah koperasi bergelar Datuk bakal berdepan 160 pertuduhan menerima rasuah berbentuk wang tunai dan barangang dianggarkan lebih RM16 juta.

Sebahagian pertuduhan akan dikemukakan di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, manakala bakiannya di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, pada Khamis ini.

Menurut sumber, tertuduh didakwa menerima sogokan daripada seorang pengarah sebuah syarikat pemaju bergelar Tan Sri melalui syarikat miliknya sebagai balasan melantik syarikat berkecuaan untuk projek usaha sama di tanah milik koperasi bagi tujuan pembangunan.

Katanya, tertuduh akan didakwa mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613] (AMLATFA 2001) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] (AMLATFAPUAA 2001).

Berita Harian | 15 July 2021 | Page 6

## Polis siasat tambahan ‘luar biasa’ slot janji temu

**Kuala Lumpur:** Polis menyiasat dakwaan penambahan ‘luar biasa’ slot janji temu vaksinasi COVID-19 di sebuah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di ibu negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd Kamarudin Md Din, berkata ia susulan laporan dibuat seorang petugas di PPV berkenaan yang mendakwa wujud lebihan penerima vaksin tersenarai dalam aplikasi MySejahtera, berbanding jumlah vaksin diperuntukkan di lokasi terbabit.

“Siasatan masih pada peringkat awal dan polis dalam tindakan mengambil keterangan beberapa saksi. Kes disiasat mengikut Seksyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin, Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) dilaporkan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Integriti dan Siasatan bagi menangani isu penjualan slot janji temu vaksinasi.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, diperiksa berkata jawatankuasa itu dianggotai wakil CITF, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Mohd Kamarudin turut mensemaskan orang ramai supaya sentiasa memberi kerjasama dan sokongan penuh kepada kerajaan selaras dengan usaha bagi memastikan PICK berjaya direalisasikan.

“Polis tidak akan kompromi dengan usaha untuk mensabotaj program, sama ada untuk kepentingan individu mahupun sebaliknya,” katanya.

Berita Harian | 15 July 2021 | Page 16

## Kes rasuah Lim Guan Eng

# 2 lot tanah kerajaan Pulau Pinang dipindah kepada kontraktor

**Kuala Lumpur:** Bayaran bagi kajian kebolehlaksanaan tiga jalan utama di Pulau Pinang dibuat menerusi pindahan dua lot tanah milik kerajaan Pulau Pinang.

Perkara itu dimaklumkan berdasar EXCO Kerja Raya, Kemudahan Awam dan Pengangkutan Pulau Pinang, Lim Hock Seng, dalam keterangannya pada perbicaraan bekas Ketua Menteri, Lim Guan Eng yang didakwa atas tuduhan rasuah, membabitkan pembinaan terowong dasar laut serta projek pembinaan jalan utama di negeri itu.

Terdahulu, Hock Seng yang kini Ketua Seksyen (Pengangkutan), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, berkata kos kajian kebolehlaksanaan dan rekaan perincian awal bagi projek berkebaikan adalah RM305 juta.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin, sama ada kajian kebolehlaksanaan dilakukan,

Hock Seng menjawab: "Ya".  
**Wan Shaharuddin:** Jumlah bayaran berapa kosnya?

**Hock Seng:** Kos kajian kebolehlaksanaan dan rekaan perincian awal untuk pembinaan terowong dasar laut serta projek pembinaan jalan utama adalah RM305 juta.

**Wan Shaharuddin:** Tunai atau pemindahan tanah?

**Hock Seng:** Pemindahan tanah.

**Wan Shaharuddin:** Untuk Lot 702 & 713?

**Hock Seng:** Lot 702 & 713 dikenal pasti untuk dibayar kepada kontraktor bagi kerja yang sudah disempurnakan.

Ketika disoal Wan Shaharuddin mengenai pemilikan tanah itu, Hock Seng menjawab: "Milik kerajaan Pulau Pinang".

**Wan Shaharuddin:** Bukan milik Guan Eng?

**Hock Seng:** Bukan.

Saksi ketiga pendakwaan itu kemudian membacakan pernyataan saksinya dan memberitahu beliau menghadiri satu mesyuarat di Tingkat 28, KOMTAR Pulau Pinang pada jam 2 petang, 26 Januari 2011.

"Dalam mesyuarat itu, Guan Eng memaklumkan sebuah syarikat swasta sedang meneroka cadangan untuk membina sebuah terowong di Pulau Pinang dan bercadang menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan kerajaan negeri.

"Sejurus mendapat arahan daripada mesyuarat itu, saya kemudian meminta seorang jurutera dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk menyediakan satu kertas kerja bertajuk 'Perancangan Link Ketiga Pulau Pinang, Jalan Lingkaran Dalam Georgetown dan Jalan Pintas, Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Air Itam, Pulau Pinang,' katanya.

Beliau turut mengesahkan menghubungi wakil Beijing Urban Construction Group Sdn Bhd (BUCG), Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli dan Lee Chee Hoe serta jurutera MPPP berbincang mengenai pembinaannya.

Katanya, BUCG meminta supaya MoU ditandatangani dengan secepat mungkin selain cadangan MoU diteliti oleh Datuk Pe-nasihat Undang-undang Negeri (PUN) yang tidak mendatangkan kos kepada kerajaan negeri.

Perbicaraan di hadapan Hakim Sesyen, Azura Alwi bersambung hari ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan didakwa atas dua pertuduhan menyebabkan dua lot tanah milik kerajaan Pulau Pinang bernilai RM208.8 juta dilupuskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri itu.

Guan Eng dituduh melakukan kedua-dua kesalahan itu di Pe-

jabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang, Tingkat 21, KOMTAR, pada 17 Februari 2015 dan 22 Mac 2017.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjarा antara enam bulan dan lima tahun serta sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

Guan Eng turut didakwa atas tuduhan pindaan iaitu sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang menggunakan kedudukannya menerima suapan bagi dirinya berjumlah RM3.3 juta dengan mengambil tindakan bagi membantu syarikat milik Zarul Ahmad yang dilantik melaksanakan Projek Pembinaan Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang yang bernilai RM6,341,383.702.

Kesalahan itu didakwa antara Januari 2011 dan Ogos 2017 di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, Tingkat 28, KOMTAR, Georgetown, Pulau Pinang.

Berita Harian | 16 July 2021 | Page 10

# Penubuhan RCI langkah pulih persepsi rakyat terhadap TH



Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed  
bhrenanca@bh.com.my

**Persetujuan** Kabinet untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu berbangkit mengenai pengurusan dan operasi Tadbir Haji (TH) dari 2014 hingga 2020 pasti menggembirakan ramai pihak.

Penubuhan RCI di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119) itu diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri, kelmarin.

Siasatan RCI itu akan merangkumi hasil pengauditan perundung seperti PricewaterhouseCoopers (PwC), Ernst & Young (EY) dan Roland Berger dari 2014 hingga 2020.

Antara terma RCI dipersetujui Jemaah Menteri ialah skop RCI tertumpu kepada hasil penemuan perundung ke atas isu berbangkit TH, tetapi tidak termasuk Pelan Pemulih dan Penstruktur yang sedang dikongsikan mesej ini.

Ina juga untuk menentukan, sama ada terdapat tindakan menyembunyikan maklumat berkaitan isu yang dibangkitkan dan perbuatan membenarkan yang mengelirukan mengenainya.

Cadangan pembubahan RCI menyiasat tadbir urus baik dalam TH sudah lama dibangkitkan pelbagai pihak. Namun, cadangan berkenaan walaupun diterima baik kerajaan, tiada tindakan susulan sehinggalah persetujuan Kabinet, kelmarin.

Menyorek kembali cadangan itu, ia antara lain disebabkan ada dalam kalangan pelabur dan masyarakat Islam tidak berpuas hati kerana pelbagai dakwaan serta tuduhan seperti pembelian serta penjualan aset dan pelaburan tidak menetap syariah dikaitkan dengan pengurusan TH.

Sehubungan dengan itu, persetujuan Kabinet untuk menubuhkan RCI ini berupaya untuk merungkai pelbagai dakwaan dan tuduhan yang membentuk tadbir urus TH.

Apa lebih utama, pembubahan RCI yang akan dianggotai pakar syariah, perbankan, perundungan dan perbankan itu, juga pastinya akan mengesyorkan tindakan perlu diambil bagi tujuan penambahbaikan tadbir urus TH.

Saranan dan pandangan yang akan dikemukakan nanti pasti akan diberikan perhatian pihak berwajib terutama memastikan mana-mana individu terbabit dalam penyalihgunaan kuasa akan dibawa ke muka pengadilan sekiranya dakwaan atau tuduhan itu ada asasnya.

Hakikatnya, pembubahan RCI yang keanggotaannya adalah dalam kalangan profesional adalah satu langkah besar bagi memulihkan semula sokongan dan keyakinan masyarakat Islam terutama terhadap institusi TH.

Sebahagian masyarakat Islam sebelum ini sudah hilang keyakinan terhadap TH apabila dakwaan dan tuduhan isu salah laku serta ketidakolekan pengurusan dibangkitkan. Terdapat sebahagian penyimpat akum mula mengelarkan simpanan mereka.

Malah, ada juga menyuarakan kebingungan apa-

kah wang simpanan mereka akan hilang, malah lebih penting apakah peluang untuk mereka menuaikan ibadah haji akan tipis ekoran dakwaan tersebut.

Walaupun Bank Negara menyakinkan masyarakat bahawa wang simpanan mereka adalah selamat, persepsi tetap timbul akibat kebingungan dan hilang kepercayaan tidak berkurang kerana menganggap tiada sebarang siasatan atau tindakan diamalkan kerajaan bagi memastikan segala tuduhan terbabit tidak berbasas.

Hal ini menyebabkan TH yang mempunyai lebih 9.3 juta pendeposit mutu terpaliti dengan pelbagai isu apabila timbul dakwaan dan tuduhan berkaitan pengurangan aset TH, pelaburan dalam perniagaan tidak patuh syariah serta merugikan, penjualan aset kepada bukan Islam dan pengurangan dalam pembayaran hibah kepada pendeposit.

Segema dakwaan dan tuduhan ini memburukkan imej TH sebagai institusi kewangan Islam yang dihormati masyarakat Islam. Keadaan ini menjadi semakin merincing apabila banyak laporan polis dibuat.

Ini mengakibatkan masyarakat semakin mendesak kerajaan untuk membutuhkan RCI bagi men-

dapat gambaran sebenar berkaitan dakwaan dan tuduhan terhadap TH.

Walaupun pernah berlaku debat terbuka antara beberapa menteri bertanggungjawab dalam hal ehwal TH dan bekas Pengurus TH, ia bukannya mekanisme terbaik mencari jawapan kepada isu ini.

Atas kegagalan mendapatkan penyelesaian terhadap isu yang didakwa itu, pelbagai pihak termasuk orang ramai, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli politik memuntut kerajaan agar membutuhkan RCI secepat mungkin bagi mencari jawapan sebenar.

Justeru, pembubahan RCI ini pasti disambut baik semua pihak yang sudah menunggu agak lama agar suruhanjaya seperti ini ditubuhkan. Masyarakat pasti mengharapkan agar segala cadangan penambahbaikan dan saranan untuk mengambil tindakan kepada pihak terbabit akan diberi perhatian serius oleh kerajaan.

Sekiranya dakwaan terhadap mana-mana individu bertanggungjawab membuat pelaburan atau pembelian aset merugikan TH ada asasnya, ia perlu dibawa ke muka pengadilan dengan segera.

Walaupun pada siasatan dan seterusnya pendakwaan di mahkamah akan mengambil masa, jika sekiranya pihak bertanggungjawab dapat dienal pasti dan diakui, maka ia akan berupaya meningkatkan semula kepercayaan masyarakat terhadap institusi TH.

Apa yang lebih utama pembubahan RCI dan sebarang tindakan diambil terhadap semua syor suruhanjaya terbabit, meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap TH, sekali gus mendorong mereka yang sebelum ini mempunyai persepsi negatif untuk menyimpan semula dalam TH.

Ia akan memberikan keyakinan kepada mereka bahawa pihak yang akan menguruskan wang mereka lebih beramahah dan bertanggungjawab. Sebaliknya, pembubahan RCI ini adalah langkah terbaik kerajaan mengembalikan imej TH dan memulihkan persepsi masyarakat terhadap entiti itu sebagai insititusi kewangan Islam berwibawa dan berintegriti.

• Sekiranya dakwaan terhadap mana-mana individu bertanggungjawab membuat pelaburan atau pembelian aset merugikan TH ada asasnya, ia perlu dibawa ke muka pengadilan dengan segera •



## Berita Harian | 16 July 2021 | Page 20



Bekas Pengurus Besar AKSB yang direman bagi membantu siasatan kes rasuah dibebaskan dengan jaminan, di Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar /BH)

# Bekas Pengurus Besar Air Kelantan dibebaskan dengan jaminan

**Kota Bharu:** Bekas Pengurus Besar Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) yang direman bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan projek bernilai lebih RM27 juta dibebaskan dengan jaminan, semalam.

Lelaki berusia 60 tahun itu dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM10,000.

Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Kota Bharu, Rusli Ahmad mengeluarkan perintah itu selepas lelaki itu direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Lelaki berkenaan kemudian membayar jaminan yang ditetapkan mahkamah.

Media sebelum ini melaporkan, tiga individu termasuk seorang bekas pengurus besar dan seorang pegawai AKSB direman tiga hari bermula Jumaat lalu selepas dipercayai terbabit dalam kes rasuah projek lebih RM27 juta.

Bekas pengurus besar itu bersama pegawai AKSB berusia 39 tahun dan seorang pengarah projek sebuah syarikat berusia 42 tahun ditahan berasingan di pejabat SPRM, Khamis lalu.

Pegawai AKSB dan pengarah projek itu dibebaskan dengan jaminan SPRM, Ahad lalu.

## Kelantan, EXCO sedia bantu SPRM siasatan kes rasuah AKSB

**Kota Bharu:** Kerajaan negeri menyatakan kesedian dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan kes rasuah Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) membabitkan projek bernilai lebih RM27 juta antara 2015 hingga 2019.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata semua EXCO sedia memberi kerjasama sekiranya dipanggil untuk memberi keterangan.

"Setakat ini, SPRM tidak memaklumkan apa-apa dan kita juga tidak mahu mengganggu siasatan mereka, kita serahkan kepada SPRM untuk membuat siasatan lanjut.

"Setakat ini, belum ada EXCO dipanggil dan kita difahamkan masalah yang berlaku membabitkan isu pada peringkat pengrusaan.

"Jika mana-mana EXCO dipanggil, kita sedia beri kerjasama penuh," katanya pada Majlis Penyerahan Bakul Makanan di Pejabat Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Panchor di sini, semalam.

Sumbangan disampaikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Sharry.

Mohd Amar turut mengakui isu berkenaan memberi imej buruk kepada kerajaan negeri.

"Memang betul apa yang berlaku beri imej buruk kepada kerajaan negeri kerana selama ini kita kata kita bersih daripada rasuah, namun sebaliknya yang berlaku.

"Bagaimanapun, kes berkenaan masih dalam siasatan dan sekiranya benar berlaku, SPRM boleh membawa kes itu ke mahkamah. Kita ikut proses undang-undang," katanya.

SPRM sebelum ini menahan tiga pelakar, termasuk seorang bekas Pengurus Besar Aksb bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah yang membabitkan projek bernilai lebih RM27 juta antara 2015 dan 2019.

Dua lagi yang ditahan bersama bekas pengurus berusia 60 tahun itu adalah seorang pegawai Aksb yang berusia 39 tahun dan seorang pengurus projek sebuah syarikat berusia 43 tahun.

Bagaimanapun, mereka sudah dibebaskan dengan jaminan.



*Mohd Amar  
Nik Abdullah*

Berita Harian | 24 July 2021 | Page 13

# Kerajaan negeri perlu tegas usir penceroboh hutan simpan

Stephen Wong  
Dengki

**Operasi** penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang berkaitan isu penanaman haram di Hutan Simpan Kekal Batu Talam, Raub, baru-baru ini, wajar dipuji. Namun, persoalan paling ketara, apakah pencerobohan ini baru atau sudah lama berlanjut?

Pada awal 2002, terdapat kajian Pembangunan Lestari di Tanah Tinggi Semenanjan. Kajian dilanjutkan Tabung Hidupan Liar (WWF) dengan Pejabat Perdana Menteri di bawah Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan disokong Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), yang mengtengahkan isu pencerobohan hutan simpan di Hutan Simpan Gunung Benum di Raub.

Menurut kajian itu, Banjaran Benum yang terletak di antara Jerantut, Raub dan Temerloh, memaparkan antara rimbang hidupan liar terbesar di Semenanjan, iaitu Rizab Hidupan Liar Krau. Satu daripada Hutan Simpan Kekal (PFR), Gunung Benum juga terletak di banjaran itu.

Kajian itu menunjukkan petani haram mence-roboh Hutan Simpan Gunung Benum, yang dilaporkan sebagai ‘pencerobohan seluas 2,800 hektar’ meliputi tanah kerajaan negeri dan hutan simpan.

Hampir dua pertiga pencerobohan itu berada dalam kawasan hutan simpan dan dibersihkan untuk penanaman komersial. Ini adalah di daerah sama yang baru-baru ini kita dapat lihat 15,000 pokok durian ditebang kerana ditanam secara haram di kawasan hutan simpan.

Hari ini, saya terkejut dengan cara dua ahli politik tempatan di Raub yang seperti mempermainkan isu ini secara terbuka. Seorang daripadanya mendakwa terdapat pencerobohan durian haram seluas 4,500 hektar di Raub dan sedikit sebanyak ada benarnya.

Seorang lagi mengeluarkan kenyataan dalam wawancara video baru-baru ini, mendakwa 70 peratus

durian dihasilkan di Raub berasal dari ladang haram ini.

Berdasarkan statistik Jabatan Pertanian, Raub menghasilkan 71,000 tan durian pada 2019, apakah ini bermakna 70 peratus daripadanya adalah sebanyak 49,700 tan setahun. Dengan mengandaikan pengeluaran sebanyak 3.5 tan per ekar setiap tahun, apakah ini bermakna skala pencerobohan di Raub mencapai lebih 5,700 hektar?

Jika diambil kira skala pencerobohan dan saiz industri ini, ditambah kemungkinan kegiatan ratus, perkara ini sangat merunsingkan. Berdasarkan permintaan pasaran semasa dari China sebanyak hampir 700,000 tan setiap tahun dan eksport Malaysia hanya 30,000 tan seperti dilaporkan, bayangkan tahap pencerobohan haram ini dalam jangka lima tahun ke depan jika terus dibikarkan?

Bagaimanapun, kedua-dua ahli politik berkenaan menggambarkan seolah-olah petani haram ini telah menjadi ‘mangsa, miskin dan teranaya’.

Dengan kadar pengeluaran 3.5 tan per ekar pada harga ladang purata RM30 per kilogram, kita me-

lihat angka pendapatan tahunan sebanyak RM1.5 bilion untuk 5,700 hektar pencerobohan.

Ini secara jelas perniagaan menguntungkan lebih-lebih lagi jika diambil kira transaksi berasaskan tunai dan tanpa rekod. Sekiranya setiap petani mengusahakan ladang durian haram seluas 4 hektar, mereka akan menikmati pendapatan RM1.05 tanetahun.

Mereka pastinya bekerja keras, tetapi mengkategorikan mereka sebagai miskin adalah mustahil.

Bagaimana pula dengan petani mengusahakan kebun berlandaskan undang-undang dan membayar cukai tanah serta cukai pendapatan? Bukanakah ini ketidakadilan kepada petani yang sah? Mungkin Lembaht Hasil Dalam Negeri (LHDN) perlu menylasat hal ini dengan lebih lanjut. Adalah sangat memalukan apabila ahli politik terus bermains dengan retorik dan sentimen sebegini.

Baru-baru ini, seorang ahli politik berkata tidak ada orang akan terlepas daripada LHDN dan pendekatan ‘undang-undang adalah undang-undang’ perlu digunakan ketika berurus dengan peninga. Mengapa sekarang ahli politik sekutunya bertukar slogan pula di Raub?

Saya berharap operasi kerajaan negeri untuk mengusir petani haram di Hutan Simpan Batu Talam baru-baru ini bukan sekadar aksi publisiti. Tin-dakan itu perlu diteruskan dengan baki 4,500 hingga 5,700 hektar pencerobohan haram?

Dalam tindakan tegas terhadap pencerobohan haram ini, kita juga harus melihat perkara ini dari perspektif ekonomi Malaysia. Durian kini antara sumber pendapatan eksport paling berpotensi negara.

Sekiranya kerajaan negeri tiada penyelesaian holistik terhadap isu kompleks ini, mereka perlu berani melakukan operasi penguatkuasaan terhadap semua peneroka haram. Semoga kerajaan dapat menyelesaikan masalah rumit ini.



Operasi menebang pokok durian yang ditanam secara haram di hutan simpan di Raub.

Berita Harian | 24 July 2021 | Page 1,15

### Tiga, termasuk dua bekas Yang Dipertua PBT di Selangor direman enam hari disyaki terima rasuah projek perumahan

Nasional 15



Anggota SPRM membawa tiga individu ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

# 2 bekas YDP kena reman enam hari

**Antara 3 individu disyaki terima rasuah pemaju, kontraktor perumahan**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Tiga individu termasuk dua bekas Yang Dipertua (YDP) majlis perbandaran di Selangor direman enam hari kerana disyaki menerima rasuah daripada kontraktor projek dan pemaju perumahan di kawasan masing-masing.

Majistret, Shah Wira Abdul Halim mengeluarkan perintah reman sehingga Rabu ini selepas mendengar permohonan Suru-

hanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Putrajaya, semalam.

Sumber berkata, kedua-dua bekas YDP berusia 47 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM ketika hadir memberikan keterangan kelmarin.

Beliau berkata, selain itu turut ditahan ialah seorang kontraktor yang terbabit memberi rasuah bagi membolot projek ditawarkan di dua majlis perbandaran diketuai dua YDP terbabit.

"YDP berkenaan kini memegang jawatan pegawai daerah (DO), manakala kontraktor berusia 42 tahun itu sebelum ini dipercayai mengawal 16 syarikat daftarkan atas nama saudara dan pekerjaannya bagi mendapatkan projek di dua majlis perbandaran berkenaan yang dianggarkan mencécah jutaan ringgit sejak empat tahun lalu.

"Bagi setiap projek diperoleh, kedua-dua bekas YDP itu akan

menerima habuan lima peratus daripada nilai projek. Dua bekas YDP ini juga turut menerima pelbagai bentuk suapan, termasuk sebuah rumah bernilai RM1 juta, wang tunai RM500,000 dan pakej pelancongan ke Eropah bagi meluluskan kebenaran merancang dan pembangunan milik sebuah syarikat pemaju perumahan," katanya.

Berikut itu, sumber berkata, SPRM membuat beberapa siri serbuan di sekitar Selangor sejak kelmarin.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM dan sabit kesalahan boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, mengesahkan tangkapan berkenaan, tetapi enggan mengulas lanjut.

Berita Harian Ahad | 25 July 2021 | Page 16



Dua individu dibawa ke Mahkamah Putrajaya, semalam.

(Foto Ihsan pembaca)

Kes rasuah pemaju, kontraktor perumahan

# Pegawai daerah, juruukur bahan direman 5 hari

SPRM tahan dua individu ketika hadir beri keterangan

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Seorang pegawai daerah dan seorang juruukur bahan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), susulan penahanan tiga individu, termasuk dua bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran, Jumaat lalu.

Sumber berkata, dua suspek yang bertugas di Selangor itu, ditahan reman lima hari bermula semalam selepas Majistret Shah Wira Abdul Halim membenarkan permohonan reman SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Menurut sumber, dua individu yang terbabit ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya kira-kira jam 9 malam dan 10 malam kelmarin ketika hadir untuk memberi keterangan.

Katanya, suspek terbabit diperdaya bersikongkol dengan sya-

rikat kontraktor, yang juga sindiket kartel projek bagi membobol projek bernilai puluhan juta ringgit, sekurang-kurangnya di empat daerah di Selangor sejak 2012.

Jumaat lalu, dua bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran di Selangor direman enam hari kerana disyaki menerima rasuah daripada kontraktor projek dan pemaju perumahan di kawasan masing-masing.

Sumber berkata, sepanjang tempoh empat tahun menjalankan projek di sebuah daerah di negeri berkenaan, kontraktor terbabit meraih pelbagai projek yang dianggarkan bernilai RM20 juta.

Difahamkan, terdapat kira-kira 70 syarikat yang digunakan untuk membobol projek berkenaan, termasuk kira-kira 16 syarikat milik keluarga dan selebihnya kroni atau proksi.



Keratan akbar BH, semalam.

"Kontraktor ini akan menjaga dan berdamping dengan pegawai terbabit seperti menaja aktiviti bermain golf, percutian ke luar negara dengan membayai perbelanjaan sekeluarga.

"Pegawai daerah yang direman dipercayai menerima suapan bernilai anggaran kira-kira RM125,000 dalam pelbagai bentuk seperti wang tunai, pengubahsuaian rumah, deposit kereta dan bayaran perubatan.

"Suapan itu adalah sebagai balasan untuk membantu syarikat milik kontraktor terbabit mendapatkan kerja pembersihan kawasan, penyelenggaraan dan kerja lain secara sebut harga dan tender di kawasan sekitar Selangor, dianggarkan jumlah keseluruhan RM3 juta," katanya.

Sementara itu, sumber mengatakan juruukur bahan yang ditahan itu dipercayai menerima suapan sebanyak satu peratus daripada nilai projek, selain wang tunai berjumlah anggaran RM90,000 dan sebuah basikal bernilai RM3,000.

Suspek dipercayai membocorkan maklumat berkaitan tender kepada kontraktor terbabit bagi kerja pembersihan kawasan dan penyelenggaraan di sebuah daerah lain di Selangor.

Berita Harian | 26 July 2021 | Page 20

## Kakitangan LPNM dituduh palsukan dokumen bekalan benih nanas

**Johor Bahru:** Seorang Pembantu Ehwal Ekonomi di Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini, semalam, atas empat pertuduhan memalsukan dokumen pembekalan benih nanas berjumlah RM41,025, enam tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Hasren Amat Sibani@Fahrudin, 40, mengaku tidak bersalah, selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Abdul Kamal Arifin Ismail.

Hasren didakwa memperdayakan LPNM menerusi dokumen pesanan pembekalan benih nanas mengandungi butiran matan palsu iaitu pembekalan benih nanas tidak dibekalkan seperti dalam tuntutan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 kerana melakukan perbuatan itu di Pejabat LPNM Malaysia Wilayah Selatan Derah Pontian antara April hingga Disember 2015, yang sabit kesalahan boleh dipenjarma maksimum 20 tahun serta denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan kes dilakukan Pegawai Pendakwa SPRM, Ikhwan Ihsan Jalaluddin, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Saleh Togimin.

Terdahulu, Ikhwan Ihsan memohon mahkamah memberi

jaminan RM30,000 terhadap tertuduh, namun peguam tertuduh memohon jaminan dikurangkan kerana tertuduh menanggung isteri, tiga anak serta dua anak saudara, selain perlu menjalani rawatan fisioterapi akibat badannya cedera terbakar selepas terbabit kemalangan.

Abdul Kamal kemudian membenarkan tertuduh diikat jaminan RM8,000, selain perlu menyerahkan pasport antara bangsa dan melaporkan diri di pejabat SPRM berhampiran, setiap bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 25 Ogos bagi serahan dokumen.



Hasren Amat  
Sibani@Fahrudin